

AJARAN INAYAT KHAN (*UNIVERSAL SUFISM*) DAN KEDUDUKANNYA DI SISI AGAMA ISLAM

Dr. Nozira binti Salleh^{1,a}, Prof. Madya Dr. Faudzinaim bin Hj. Badaruddin^{2,b}

^{1,a}Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM

^aaziera@ukm.edu.my, ^bfnaim@ukm.edu.my

Kata kunci: Ajaran, Inayat Khan, Kerohanian, Sejagat, Amalan, Kepercayaan, Sufi

Abstrak. Pada zaman yang semakin mencabar kini, pelbagai bentuk ajaran, fahaman dan pemikiran baru dalam aspek agama, ekonomi, politik dan sosial telah menembusi setiap ruang kehidupan manusia secara langsung dan tidak langsung. Antara cabaran yang paling hebat itu ialah ajaran-ajaran yang berbentuk kerohanian seperti *Universal Spirituality for World Peace, the Association for Global New Thought, Global Spirituality, Universal Sufism* dan banyak lagi. Ajaran kerohanian sebegini merupakan ajaran yang kurang diberi perhatian oleh sesetengah sarjana Islam kerana berpendapat ia tidak begitu hebat kesannya kepada umat Islam. Namun realitinya, ajaran sebegini dipercayai telah mendapat sambutan yang baik dari hari ke hari terutama kepada mereka yang mencari dan memerlukan pengisian kerohanian untuk memenuhi tuntutan jiwa mereka. Ia telah diterima bukan sahaja oleh orang-orang Barat dan bukan Islam, tetapi juga oleh umat Islam. Oleh yang demikian, terdapat sebilangan umat Islam di kebanyakan negara-negara Islam seperti Indonesia, Turki dan Pakistan telah menerima dan mengamalkan ajaran sebegini didalam hidup mereka. Justeru itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis ajaran Inayat Khan melalui buku-bukunya seperti the *Dance of the Soul (Gayan, Vadan, Nirtan), the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan* I, II, III, IV, V, VI, VII, VIII, X, XI, XII dan pemerhatian penulis juga semasa mengikuti program *Summer School 2011*, yang telah dianjurkan oleh pergerakan *the International Sufi Movement* di Katwijk, Netherland. Hasil kajian mendapati ajaran kerohanian Inayat Khan ini terbina daripada aspek-aspek tertentu daripada agama Islam, Kristian, Hindu, Buddha dan Zoroaster. Maka, ajarannya dapat dinyatakan sebagai sebuah ajaran kerohanian yang bertentangan dengan agama Islam. Walaupun begitu, kajian yang berbentuk analisis secara kritis sangat penting bagi membentuk kefahaman umat Islam secara jelas terhadap ajaran kerohanian sejagat seperti ajaran Inayat Khan ini.

Pendahuluan

Ajaran kerohanian sejagat merupakan satu fenomena baru dalam kehidupan manusia kini. Kewujudan setiap daripada ajaran kerohanian sejagat adalah hambatan kepada keinginan untuk menyatukan manusia dengan aman dan harmoni, di dalam satu ajaran yang meraikan kepentingan semua manusia tanpa sebarang batasan. Rentetan daripada itu, ajaran *Universal Spirituality for World Peace, the Association for Sejagat New Thought, Sejagat Spirituality, Universal Sufism* adalah sebahagian contoh daripada ajaran kerohanian sejagat yang muncul kini dan kian mendapat perhatian daripada kalangan manusia secara umumnya dan umat Islam secara khususnya.

Antara ajaran kerohanian sejagat yang agak masyhur sejak kebelakangan ini ialah ajaran Inayat Khan atau lebih dikenali sebagai *Universal Sufism*. Ia adalah ajaran yang diasaskan oleh Inayat Khan di Barat pada tahun 1910. Ia adalah satu ajaran kerohanian yang tidak mempunyai sebarang ikatan dan batasan dengan mana-mana agama, bangsa dan negara, malah ajarannya mengandungi setiap elemen tertentu daripada semua agama utama dunia seperti Islam, Kristian, Hindu dan Buddha. Oleh sebab itu, ajaran tersebut dipanggilnya sebagai ajaran perpaduan dan kebebasan spiritualiti (Inayat 1973, jil.1).

Ajaran Inayat Khan ini mempunyai ramai pengikut daripada pelbagai negara di dunia ini. Ini disebabkan kerana strategi penyebaran ajarannya sangat aktif dengan penubuhan pelbagai gerakan kerohanian seperti *the International Sufi Movement* dan *the Sufi Ruhaniat International*, serta juga banyak laman sesawang yang menyediakan perkhidmatan untuk memberi kefahaman tentang ajaran Inayat Khan kepada orang awam seperti *www.sufi message.com, wahiduddin.net., www.sufimovement.org., www.hazrat-inayat-khan.org., www.om.guru.com., www.universel.net., sufilife.blogspot* dan lain-lain lagi. Maka, ia tidaklah menghairankan apabila dicatatkan bahawa para pengikut ajaran Inayat Khan ini telah mencecah beribu-ribu orang yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan negara (Stolk & Dunlop1975).

Latar Belakang Ajaran Inayat Khan

Ajaran Inayat Khan merupakan satu ajaran kerohanian sejagat yang telah diperkenalkan dan diasaskan oleh Inayat Khan. Beliau berasal daripada keluarga Muslim, bangsawan, ahli muzik dan ahli falsafah. Beliau dilahirkan pada tahun 1886 di Baroda, India. Namun begitu, beliau telah mengembangkan ajaran kerohanian universal ini di Barat daripada tahun 1910 sehinggalah tahun 1926. Ini disebabkan kerana beliau terpengaruh dengan idea yang telah dicetuskan oleh Gurunya;

Abu Hasyim Madani agar memperkenalkan satu ajaran yang berbentuk kerohanian universal kepada orang Barat dengan tujuan untuk menyatukan antara dunia timur dan barat setelah lama hubungan kedua-duanya berada dalam keadaan yang tidak harmoni. Ia dapat dilihat pada kata-kata Gurunya:

“...anakku, harmonikanlah Timur dan Barat dengan keharmonian seni muzik. Sebarkanlah hikmah kerohanian di luar negara, matlamat ini telah dikurniakan kepada kamu oleh Allah Yang Maha Mengasihani dan lagi Maha Penyayang”

(Graham 2001).

Ilham untuk menyebarkan ajaran berbentuk ini juga tercetus apabila beliau pernah mengikuti rombongan persembahan muzik klasik India di Barat. Beliau telah menyaksikan gaya hidup orang barat yang berkecamuk dengan kesibukan bekerja dan mengurus kehidupan harian tanpa ada sedikit riak ketenangan dan kedamaian pada wajah-wajah mereka. Justeru itu, beliau percaya bahawa mereka perlu diberi sesuatu yang berbentuk kerohanian untuk kedamaian hidup. Ajaran kerohanian beliau juga bersumber inspirasikan daripada tarekat *Nizamiyyah*; salah satu cabang daripada tarekat *Chistiyyah*¹. Selain itu, ajaran ini juga terpengaruh dengan kitab *Vedanta*² dan falsafah *Shankira*³ daripada ajaran kerohanian agama Hindu. Pengaruh ini dapat dilihat pada banyak elemen kepercayaannya seperti Tuhan wujud pada semua kejadian di alam ini dan penggunaan beberapa terma Hindu dalam perbincangan ajarannya. Di samping itu, pengaruh lain yang turut serta mempengaruhi cetusan wujudnya ajaran kerohanian yang berbentuk universal ini adalah disebabkan persekitaran kehidupannya. Beliau telah dibesarkan bersama datuknya; Maula Bakhsh yang amat terkenal sebagai ahli kerohanian, penyanyi, ahli muzik dan ahli puisi pada masa itu. Rumahnya sentiasa dikunjungi oleh orang ramai yang berlatar belakangkan pelbagai jenis agama, bangsa dan budaya. Beliau telah melihat hubungan keharmonian tersebut berjalan dengan baik bermula daripada dirinya kecil sehinggalah kematian datuknya. Maka, ilham yang tercetus dari Barat, inspirasi daripada tarekat *Nizamiyyah* dan kerohanian Hindu, pengaruh hidupnya bersama datuknya dan sokongan kuat daripada Gurunya adalah pencetus dan penggerak buat Inayat Khan merealisasikan satu ajaran *Universal Sufism* yang dapat diterima oleh semua manusia di dunia ini secara amnya dan orang-orang Barat secara khususnya. Justeru itu, ia tidaklah menghairankan apabila beliau sering mendakwa bahawa ajaran kerohaniannya adalah ajaran yang menepati kehendak semua orang tanpa mempunyai sebarang batasan yang menghalanginya terutamanya orang Barat (Inayat 1973, jil.7).

Inayat Khan telah meletakkan matlamat-matlamat yang tersendiri pada ajarannya bagi menjadikannya sebagai sebuah ajaran yang memenuhi impian Gurunya dan juga dapat diterima ramai. Matlamat pertama ajarannya ialah untuk menyebarkan ilmu perpaduan dan cintakan agama serta kebijaksanaan di kalangan manusia. Bagi Inayat Khan, beliau percaya bahawa ajaran kerohaniannya perlu menyedarkan semua manusia bahawa mereka perlu bersatu dan hidup dengan aman dan harmoni kerana mereka diciptakan dengan penuh kebaikan. Begitu juga dengan kesedaran manusia tentang agama dan kebijaksanaan, di mana beliau yakin bahawa mereka semua perlu disedarkan untuk lebih memahami dan menghargai agama yang dianuti dan kebijaksanaan yang dikurniakan Tuhan pada mereka. Manakala matlamat kedua pula ialah Inayat Khan mengharapkan sikap prejudis dan pandangan negatif kepada agama dan budaya orang lain dapat dikikis. Matlamat tersebut dilihat oleh Inayat Khan sebagai satu tujuan yang murni dalam memupuk toleransi dan membina keharmonian antara para pengikutnya secara khususnya dan seluruh manusia secara umumnya. Kemudian, bagi merealisasikan semua matlamat ajarannya dapat dicapai dengan baik dan berkesan, maka, Inayat Khan telah melaksanakan pelbagai strategi yang proaktif seperti menerbitkan buku-buku tentang ajaran kerohaniannya, mengadakan pelbagai kem cuti sekolah musim panas, kuliah dan menubuhkan gerakan ajaran kerohaniannya yang dikenali sebagai ‘*the International Sufi Movement*’.

Umumnya, ajaran Inayat Khan ini adalah suatu ajaran yang bertitik tolak daripada kesedarannya untuk memperkenalkan satu ajaran kerohanian pada orang-orang Barat agar kedamaian dan ketenangan hidup dapat mereka rasai. Dorongan Guru kerohaniannya, suasana pembesarannya di rumah datuknya dan pengaruh tarekat *Chistiyyah* yang pernah disertai telah mendorongnya untuk membentuk satu ajaran kerohanian yang dapat diterima oleh semua manusia tanpa mengira agama, bangsa, negara dan keturunan.

Doktrin Ajaran Inayat Khan

Ajaran Inayat Khan mempunyai doktrin yang tertentu, di mana semua doktrin tersebut adalah gabungan daripada agama-agama utama dunia seperti Islam, Kristian, Yahudi dan Zoroaster. Doktrin utama ajaran ini ialah Sepuluh Pemikiran Sufi (*the Ten Sufi Thoughts*), yang mana ia wajib dipegang dan dipercayai oleh sesiapa sahaja yang ingin memasuki ajaran kerohanian sejagatnya kerana ia adalah asas kepercayaannya dan gambaran kepada seluruh aspek ajaran Inayat Khan ini.

1 Tarekat sufi yang telah diasaskan oleh Khwajah Muin al-Din Hasan (m. AD 1236)
2 Satu daripada enam sistem ortodok Falsafah India, diguna pakai pada kebanyakan sekolah moden India. Ia adalah kitab ringkasan daripada kitab Veda, iaitu kitab suci tertua untuk penganut agama Hindu.
3 Seorang ahli falsafah dan ahli agama Hindu, pelopor terkenal kepada falsafah Advaita Vedanta, yang mana ianya mencetuskan doktrin pemikiran India moden.

Ajaran Inayat Khan ini mempercayai kepada Tuhan Yang Maha Satu, Tuhan Maha Besar dan Esa. Tuhan tersebut dipercayai melebihi tuhan-tuhan yang dianuti dalam setiap agama yang ada di dunia ini. Menurut pandangan Inayat Khan, Tuhan tersebut ialah Tuhan Mutlak yang mana Dia adalah Roh Yang Maha Mengetahui dan Dia mempunyai sifat Bijaksana secara azali. Di samping itu, ajaran ini percaya bahawa Tuhan tersebut adalah untuk semua manusia dan segala ciptaan di muka bumi ini (Inayat 1973, jil.1). Oleh sebab itu, Inayat nyatakan bahawa rahmat Tuhan tersebut melimpahi pada semua makhluk tanpa mengira bangsa dan keturunan, sebagaimana kata-katanya:

“Wahai Orang-orang yang dikasihi Tuhan, walaupun kamu berasal daripada pelbagai bangsa, fahaman, atau negara, namun, Tuhan tetap kasih pada kamu. Kamu mungkin seorang yang beriman atau tidak beriman pada Tuhan, tetapi Dia tidak pernah peduli. RahmatNya meliputi semua makhluknya tanpa membezakan kawan atau lawan”

(Inayat 1973, jil.5).

Maka, kepercayaan sebegini telah menampakkan bahawa ajaran Inayat Khan mempunyai kepercayaan kepada Ketua Tuhan (*Godhead*), iaitu Tuhan Yang Maha Mutlak Satu, melangkaui tuhan-tuhan yang dianuti dalam agama Islam, Kristian, Yahudi dan Hindu.

Di samping itu, ajaran Inayat Khan juga gambarkan konsep Tuhan sebagai *Nur-Zahoor* (cahaya yang boleh memmanifestasikan). Inayat Khan jelaskan konsep Tuhan tersebut dengan perumpamaan Tuhan seperti *Nur* yang menjadi pusat cahaya kepada semua sinaran, atau dengan kata lain, beliau mengibaratkan konsep Tuhan tersebut sebagai matahari, iaitu pusat cahaya kepada semua sinaran cahaya yang menyimbah ke seluruh alam ini. Sinaran cahaya itu dipercayai terhasil daripada proses manifestasi matahari daripada dirinya sendiri. Maka, matahari dikatakan dapat membentuk pelbagai bentuk, rupa dan ciptaan daripada sinaran tersebut. Begitu juga dengan Tuhan yang dipercayai telah memantulkan Dirinya Sendiri untuk membentuk manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan lain-lain lagi (Inayat 1973, jil.5). Kemudian, konsep manifestasi tuhan yang telah digambarkan oleh Inayat Khan itu telah dinyatakannya juga berada dalam konsep ‘*La ila hailla Allah*’ (Tiada Tuhan selain Allah). Inayat Khan menyifatkan konsep tersebut mengandungi pengiktirafan secara tidak langsung bahawa tiada yang sebenarnya pada alam semesta ini melainkan Tuhan Yang Satu. Konsep syahadat tersebut dinyatakan sebagai satu gambaran yang kukuh bahawa setiap kejadian di alam ini sama ada malaikat, jin, manusia, tumbuh-tumbuhan, binatang dan lain-lain lagi merupakan Tuhan pada hakikatnya kerana semuanya berasal daripada proses manifestasi Tuhan. Maka, Inayat Khan menegaskan bahawa manusia sepatutnya tidak ragu-ragu untuk memegang kepada idea ‘Tuhan adalah semua dan semua itu adalah Tuhan’ (Inayat 1973, jil.2).

Pegangan kedua pula ialah pengikut ajaran ini wajib percaya kepada ‘Nabi atau Guru Satu’ (*Master-ideal*). Nabi Satu tersebut digambarkan sebagai sesuatu yang tidak berfizikal, tidak bernama, tidak dilahirkan dan tidak mati (abadi). Semua nabi yang bermula daripada Nabi Adam hinggalah Nabi Muhammad adalah jelmaan kepada Guru yang satu ini. Guru ini dipercayai muncul dalam pelbagai rupa dan nama seperti Muhammad, Buddha, Shiva, Krishna, Rama, Ibrahim, Isa ataupun Musa mengikut zaman dan tempat. Setiap daripada mereka dikatakan memiliki ‘roh bimbingan’ (*the spirit of guidance*) di mana utusan-utusan terpilih tersebut diyakini sentiasa bercakap dengan Tuhan. Oleh sebab itu, Inayat Khan telah tegaskan bahawa Nabi tersebut adalah Tuhan menurut kesedarannya walaupun menurut kaca mata dunia, dia adalah manusia biasa yang hanya diutuskan untuk menyampaikan ajaranNya kepada manusia (Inayat 1973, jil.2).

Seterusnya, ajaran Inayat ini juga percaya kepada satu kitab yang paling suci dan asli serta sempurna (*the Holy Book*) yang mengajar tentang undang-undang kehidupan (kerohanian) manusia. Ia dikatakan berperanan sebagai cahaya kepada setiap manusia. Ia disifatkan oleh Inayat Khan sebagai sebuah kitab yang tidak tertulis dalam mana-mana kertas atau buku, tetapi ia mampu dibaca dengan sendirinya oleh mereka yang celik mata hatinya. Kebenaran yang terkandung dalamnya dipercayai sama dengan kebenaran yang terkandung dalam al-Quran, Bible, Vedanta, Kabala, Zendavesta dan kitab-kitab lain yang wujud di dunia ini. Malah, kesucian dan kesempurnaannya dikatakan mengatasi kitab-kitab tersebut kerana ia tidak pernah diubah dan dirosakkan oleh tangan manusia (Inayat 1973, jil.1).

Ajaran Inayat juga berpegang kepada satu kepercayaan bahawa terdapat satu agama (*One Religion*) yang paling teguh dan ideal yang mampu memenuhi setiap tuntutan jiwa manusia. ‘Agama Satu’ tersebut dipercayai sebagai satu jalan yang memandu manusia untuk mencapai kesempurnaan diri dan jalan kepada kesatuan (*unity*) seluruh manusia. Ia dikatakan dapat dicapai melalui dua kaedah iaitu yang pertama, seseorang itu perlu melihat dirinya berada dalam diri orang lain sama ada dalam situasi baik atau buruk dan dia harus kekal melakukannya sehingga dapat bersatu dengan Tuhannya. Dengan kata lain, Inayat menyarankan para pengikutnya supaya senantiasa bertoleransi dan cuba memahami situasi orang lain dengan sebaiknya agar keharmonian dan keamanan dapat dicapai dengan sempurna. Oleh sebab itu, kebanyakan para pengikut ajaran Inayat ini disifatkan sebagai orang yang sentiasa berpandangan luas dan mempunyai sikap toleransi yang tinggi dalam hidup mereka. Manakala kaedah kedua pula, Inayat nyatakan bahawa seseorang itu perlu menguatkan lagi kesedaran tentang kewujudan Zat yang Maha Berkuasa dan Sempurna dalam dirinya sama ada secara zahir iaitu dengan menjadikan dirinya bersatu dengan yang lain, dan secara batin iaitu meleburkan dirinya kepada kehidupan yang abadi sehingga merasakan tiada yang wujud selain daripada Tuhan (Inayat 1997). Semua kaedah itu

dikatakan mampu membuatkan seseorang manusia itu mencapai kepada hakikat kebenaran yang sebenar atau ‘agama satu’. Maka, kepercayaan kepada kewujudan hakikat tersebut telah menyebabkan beliau percaya bahawa semua agama yang wujud di dunia ini juga mempunyai kebenaran yang satu sebagaimana kata-katanya “kebenaran telah memaparkan dirinya dalam pelbagai nama dan bentuk bagi mencapai matlamat yang sebenar” (Inayat 1961, jil.12). Ini bermakna, Inayat telah menerapkan dalam ajarannya bahawa semua agama dan kepercayaan yang wujud di dunia ini adalah pada asalnya berasal daripada agama tersebut.

Prinsip pegangan ajaran Inayat yang kelima pula ialah percaya kepada undang-undang balas balik (*law of reciprocity*). Pada umumnya, ia disifatkan seperti hukum karma tetapi Inayat Khan lebih suka memanggilnya sebagai ‘undang-undang mutlak satu’ (*one law*) iaitu undang-undang balas balik (*law of reciprocity*). Undang-undang tersebut dilihat sebagai satu hukuman kepada setiap perbuatan yang salah atau betul. Ia dikatakan adalah undang-undang yang amat mementingkan keadilan untuk setiap manusia kerana ia dapat menyelamatkan manusia daripada kekejaman. Menurutnya, setiap perbuatan itu tidak pernah berlaku secara semulajadi kerana manusia telah diberi kuasa pilihan sepenuhnya untuk memilih sama ada baik atau buruk. Semua perbuatan manusia yang dilakukan pada orang lain dipercayai akan menimpa kembali padanya lambat laung. Oleh sebab itu, Inayat mengumpamakan undang-undang ‘*reciprocity*’ ini seperti sebuah kecubung yang memerlukan seseorang meniup dengan suara yang baik agar dia dapat mendengar kembali bunyi itu dengan bunyian yang baik juga dan begitulah sebaliknya (Inayat 1973, jil.1).

Selain itu, ajaran Inayat berpegang kepada ‘satu persaudaraan’ (*One Brotherhood*) iaitu penyatuan seluruh manusia di muka bumi ini tanpa wujud sebarang perbezaan dibawah tanggungjawab seorang bapa iaitu Tuhan. Persaudaraan itu dipercayai sebagai sesuatu yang lebih tinggi nilainya kerana ia mengatasi segala hubungan persaudaraan darah, bangsa dan agama. Ia juga dikatakan mengatasi kasta, kelas atau kedudukan dan apa sahaja yang mengatasinya kerana ia adalah hubungan yang melangkaui semua perkara yang menghalanginya. Kemudian, Inayat mengutuk persaudaraan melalui agama, di mana beliau melihatnya seringkali memecah belahkan manusia sehingga mewujudkan pelbagai kelompok mazhab, puak dan sebagainya. Begitu juga beliau melihat ikatan persaudaraan bangsa yang merangkumi hubungan yang lebih luas tetapi seringkali ia memandang rendah pada bangsa lain sehingga menimbulkan pelbagai konflik dan persengketaan yang akhirnya memecah belahkan manusia. Justeru itu, Inayat menyifatkan hubungan persaudaraan yang dijalinkan dalam ajarannya itu adalah hubungan yang suci kerana ia melangkaui semua batasan yang ada di dunia ini (Inayat 1973, jil.1).

Ajaran Inayat juga berpegang kepada satu moral sahaja (*One Moral*) iaitu moral yang terhasil daripada penafian diri (merendahkan nafsu), iaitu cinta dan kasih sayang. Baginya, cinta adalah prinsip moral yang paling utuh dan ia adalah sumber kepada semua moral. Cinta diyakini sebagai elemen asas kepada kelahiran harapan, kesabaran, daya tahan, sikap pemaaf, toleransi dan semua prinsip-prinsip moral lain. Beliau menyatakan lagi bahawa semakin seseorang itu kasih pada orang lain, semakin besar moral berada dalam dirinya. Justeru itu, beliau selalu tekankan kepada para pengikutnya bahawa guru moral yang paling bagus dalam dunia ini ialah cinta dan kasih sayang kerana ia mengajar seseorang itu untuk tidak hanya kasih pada dirinya sendiri tetapi kepada orang lain juga (*I am not, you are*). Dalam hal ini, beliau juga turut menjelaskan lagi tentang sifat ‘keakuan’, dimana selagi ia masih lagi berada dalam hati seseorang manusia itu, maka, dia sebenarnya tidak memiliki sebarang kasih sayang dalam hatinya. Sebaliknya, jika semua tindak tanduk seseorang itu tidak diikuti oleh sifat ‘keakuan’, maka, perbuatannya itu dianggap satu kebajikan kerana perbuatan tersebut dipercayai sebagai satu kebenaran (Inayat 1997).

Seterusnya, ajaran Inayat ini berpegang kepada ‘satu perkara sahaja yang perlu dipuji’ (*One Object of Praise*) iaitu kecantikan yang muncul daripada hati-hati ahli ibadat menerusi semua aspek sama ada yang dapat dilihat atau pun tidak dapat dilihat. Ia bermakna, ‘satu perkara yang perlu dipuji’ itu ialah satu kecantikan, di mana kecantikan tersebut terpamer dalam semua benda yang wujud di dunia ini, sehingga ia diumpamakan ‘tiada kecantikan melainkan kecantikan sahaja’. Oleh sebab itu, para pengikut ajaran ini sentiasa mendakwa bahawa mereka menyedari wujudnya keindahan dan kecantikan dalam semua objek dan memujanya daripada semua aspek sehingga mereka percaya dapat melihat Tuhan pada setiap apa yang dilihatnya itu. Sekiranya mereka tidak dapat melihat objek-objek tersebut, mereka yakin bahawa semangat atau roh Tuhan wujud pada apa yang tidak dapat dilihat oleh mereka. Bagi Inayat, orang-orang yang mempunyai keindahan penglihatan mata ini dikatakan mewarisi roh ketuhanan kerana mereka mempunyai kecantikan dalam diri sendiri. Orang-orang seperti ini disifatkan sebagai orang yang suka pada kecantikan walaupun pada sesuatu yang tidak cantik pada pandangan orang lain tetapi tidak pada pandangannya. Seterusnya, ‘satu perkara yang perlu dipuji’ itu dipercayai juga wujud dalam alam ghaib, dimana ia adalah tahap yang lebih tinggi perlu dicapai oleh setiap para pengikut ajarannya. Tahap ini membolehkan seseorang itu menyaksikan kecantikan pada alam ghaib, yang mana ia berpunca daripada pujiannya di alam nyata. Oleh sebab itu, para pengikut ajaran Inayat ini sentiasa diseru untuk menghargai dan memuji setiap kecantikan di alam zahir agar kemudiannya, mereka akan menemui kecantikan di alam ghaib. Apabila keadaan itu terjadi, maka, Inayat menyatakan bahawaseluruh kejadian dunia ini akan disaksikannya dengan penuh kecantikkan dan keindahan yang tiada bandingannya (Inayat 1973, jil.1) .

Ajarannya berpegang kepada ‘satu kebenaran’ (*One Truth*) iaitu kebenaran mengenali diri sendiri (*self-knowledge*) sama

ada zahir atau batin. Kenali diri sendiri dipercayai sebagai satu ilmu asas untuk berkembang kepada ilmu ketuhanan. Ilmu tersebut dikatakan mempunyai segala jawapan kepada misteri kewujudan manusia secara teori dan praktis, tujuan manusia dilahirkan di dunia ini, ciri-ciri yang dimiliki olehnya sama ada ciri malaikat atau binatang, tempoh kehidupannya sama ada panjang atau pendek dan pelbagai persoalan lagi. Di samping itu, Inayat nyatakan bahawa ilmu tersebut perlu disedari dan dialami sendiri kerana setiap manusia mampu melakukannya, sebagaimana kata-katanya; “... ia adalah sesuatu yang perlu disedari dan dialami sendiri”. Pada lazimnya, ia dikatakan dapat diperolehi oleh manusia melalui kesedarannya yang sempurna, iaitu seseorang manusia itu tahu dan sedar tentang hal ehwal dirinya daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah kepada perkara yang paling tinggi tentang kewujudannya (Inayat 1961,jil.12).

Ajaran Inayat ini juga percaya kepada ‘Satu Jalan’ (*One Path*) sahaja iaitu penghapusan segala sifat ego palsu (nafsu buruk) yang wujud dalam diri manusia. Penghapusan nafsu tersebut dilihat sebagai satu-satunya cara untuk mencapai kesempurnaan dan keabadian hidup. Menurut Inayat, sifat ego atau nafsu manusia itu mempunyai dua jenis iaitu ego palsu (nafsu buruk) dan asli (nafsu baik). Ego asli dipercayai sebagai ego Tuhan yang seringkali ditutupi oleh ego palsu manusia. Inayat menyifatkan ego asli tersebut sebagai sesuatu yang menyerap, diam, senyap dan kekal. Manakala ego palsu pula disifatkan sebagai ego yang tidak kekal, palsu, tidak berdaya, aktif dengan pelbagai pengalaman hidup, terkurung dalam badan manusia, menampilkan dirinya dalam pelbagai wajah dan kehendak atau angan-angan yang besar. Pada lazimnya, ia dikatakan dapat dikenali melalui perkataan ‘aku’ seperti ‘aku seorang doktor’ dan ‘aku seorang menteri’. Kemudian, Inayat nyatakan juga bahawa ego atau nafsu tersebut akan menyebabkan ketidakharmonian kepada pemiliknya dan orang-orang disekelilingnya kerana ia adalah punca kepada ketidaksejahteraan manusia. Justeru itu, beliau melabelkan nafsu tersebut sebagai musuh utama manusia (Inayat 1973, jil.1). Justeru itu, Inayat amat menggesa setiap pengikutnya agar membuang segala sifat ego (nafsu buruk) tersebut. Pada lazimnya, beliau berpendapat bahawa kesedaran untuk menghapus sifat-sifat ego tersebut muncul apabila seseorang manusia itu sudah memahami hakikat kehidupannya yang sentiasa dilitupi oleh ego atau nafsu buruk. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa orang yang memperolehi kesedaran tersebut akan terus melakukan pelbagai ibadat seperti meditasi, doa, sentiasa berzikir tanpa mengira waktu dan tempat agar mereka dapat membersihkan diri daripada segala kotoran dan dosa (Inayat 1997). Apabila ego tersebut dapat dihapuskan, Inayat percaya bahawa seseorang itu dapat mengawal dirinya sendiri dan juga dapat menghapuskan dinding pemisah antara dirinya dengan Tuhan. Hal ini sekaligus dapat membangkitkan ego asli yang sudah lama dilitupi oleh ego palsu dalam dirinya dan seterusnya mencapai kehidupan yang sempurna dan abadi (Inayat 1973,jil.2).

Kepercayaan kepada Sepuluh Pemikiran Sufi (*the ten Sufi Thought*) merupakan doktrin yang wajib diimani oleh setiap pengikut ajaran ini kerana doktrin tersebut dikatakan asas kepada ajaran *Universal Sufism*.

Penilaian Ajaran Inayat Khan (*Universal Sufism*)

Penilaian secara teliti perlu dilihat kepada aspek doktrin dan kepercayaan yang dipegang dalam ajaran *Universal Sufism* ini. Penilaian tersebut dianalisis menerusi Sepuluh Pemikiran Sufinya (*the Ten Sufi Thoughts*), iaitu inti pati utama kepada ajaran Inayat Khan ini. Pada umumnya, kepercayaan ajaran Inayat Khan kepada Tuhan Yang Satu adalah sama dengan agama Islam, tetapi pada hakikatnya, skop kefahaman, pegangan dan keyakinannya sangat berbeza. Agama Islam sebagai satu agama yang mempunyai kesempurnaan akidah, sudah tentunya pegangan tauhidnya berpaksikan kepada al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w. Akidah Islam telah meletakkan Allah adalah segala-galanya; Tuhan yang sememangnya Maha Mutlak dan Esa, tiada lain selain daripadaNya. Allah adalah Tuhan seluruh makhluk dan Dia sahajalah yang layak disembah, dipuji, tempat meminta dan mengadu. Dia bukan hanya tempat meminta atau merujuk untuk perkara tertentu sahaja tetapi semua perkara yang melangkaui permintaan manusia. Keesaan, kemutlakan dan kebenaran tentang Allah ini terkandung dalam banyak ayat al-Quran seperti, “Katakanlah: “Dialah Allah Yang Maha Esa...”” (Surah al-Ikhlās, 112:1) dan ayat, “Maha Suci Allah, Dialah Yang Allah Yang Maha Esa lagi Maha Mengalahkan...”” (Surah al-Šād,38:65). Di samping itu, terdapat lagi ayat-ayat al-Quran lain yang menjelaskan hal tersebut seperti surah al-Baqarah, 2 ayat 133 dan 163, al-Nisā,4 ayat 171, al-Māidah,5 ayat 73,al- An’ām,6 ayat 19, al-Yūsuf,12 ayat 39, al-Šaffāt, 37 ayat 4, al-Zumar, 39 ayat 4, al-Gāfir,40 ayat 16, al-Fuṣṣilāt,41 ayat 6 dan lain-lain lagi. Semua ayat al-Quran tersebut menyatakan dengan jelas bahawa Tuhan yang sebenar-benar tuhan adalah Allah Taala, Yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa. Ini bermakna, konsep ketuhanan dalam agama Islam adalah unggul ketauhidannya. Begitu juga dengan konsep manifestasi atau dipanggil sebagai *Nur Zahoar* ternyata tidak selari dengan ajaran Islam yang sebenar kerana meyakini semua ciptaan di dunia ini berasal (terbitan) daripada Tuhan dan meletakkan Tuhan sama kedudukannya dengan ciptaanNya. Kepercayaan tersebut sangat berbeza dengan agama Islam yang meyakini dengan teguh bahawa Allah sebagai *Khāliq* dan seluruh ciptaan adalah makhluk, atau dengan kata lain, Allah mencipta makhluknya dengan pelbagai bahan dan bukan daripada diriNya sendiri seperti manusia diciptakan oleh Allah daripada tanah, malaikat diciptakan daripada cahaya dan syaitan serta jin diciptakan daripada api. Ia dibuktikan melalui banyak ayat al-Quran tentang konsep tersebut seperti dalam surah al-Infītār, 82 ayat 7, “ Tuhan yang telah mencipta dan mengatur kejadianmu...”, “ Dan Allah menciptakan kamu daripada tanah kemudian daripada air mani...” (Surah Fāṭir, 35:11) “Kalau engkau menanyakan kepada mereka, siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka akan menjawab Allah.” (Surah Luqmān, 31:25), “Apakah kamu ragu-ragu tentang Tuhan, Pencipta langit dan bumi.” (Surah Ibrāhīm, 14:10). Semua ayat al-Quran tersebut secara jelasnya menerangkan bahawa alam ini adalah makhluk ciptaan Allah. Di samping itu, penjelasan Inayat Khan tentang

konsep ‘*lā ilāhaillā Allāh*’ (tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah), di mana beliau nyatakan bahawa Tuhan itu adalah seluruh dan setiap jiwa mengandungi mesejNya atau dengan kata lain, Tuhan adalah semua dan semua itu adalah Tuhan, adalah satu penjelasan yang menggambarkan bahawa ajarannya telah mencedok kefahaman daripada fahaman pantheisme. Pengkaji mendapati bahawa tafsiran tersebut adalah tafsiran takwil *Wujūdiyyah* yang melampau batasan maksud zahir ayat yang sebenar (Abdulfatah 1993). Begitu juga dengan apa yang disifatkan oleh Ibn Taymiah (2006) bagi mereka yang memahami manusia itu adalah Allah atau Allah menjelma pada badan manusia adalah golongan yang kufur terhadap ungkapan syahadat tersebut. Hal tersebut berlaku kerana pengkaji percaya bahawa Inayat Khan sengaja pesongkannya daripada makna sebenar untuk disesuaikan dengan prinsip dan objektif ajaran kerohaniannya. Pada hakikatnya, ungkapan syahadat tersebut tetap meletakkan Allah adalah Tuhan yang sebenar, dan bukanlah Tuhan pada seluruh alam ini. Keyakinan pada ungkapan syahadat tersebut adalah keyakinan pada wujud zat Allah, sifat-sifatNya dan *af’āl*Nya, serta keyakinan pada kebenaran Rasulullah. Malah, pembangunan iman pada seseorang Muslim didasari oleh ungkapan syahadat yang mulia ini (Al-Ghazālī 1988).Maka, konsep ketuhanan yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan amat bertentangan dengan konsep ketuhanan dalam agama Islam.

Ajaran Inayat Khan dan agama Islam berpegang kepada konsep kenabian yang berbeza. Kepercayaan ajaran Inayat Khan kepada konsep *Master Ideal* tidak dapat diterima oleh agama Islam. Ini kerana Islam tetap berpegang kepada semua nabi dan rasul yang dipilih sendiri oleh Allah daripada kalangan manusia biasa, iaitu lelaki sahaja tanpa mempunyai atau mewarisi sebarang semangat atau roh kenabian. Walaupun begitu, mereka tetap dikurniakan keistimewaan dan kekuatan khusus seperti bersifat *ma’šūm* dan memiliki mukjizat-mukizat tertentu seperti Nabi Muhammad s.a.w., di mana air pernah keluar daripada celah jari Baginda dan bulan terbelah dua. Begitu juga dengan kepercayaan ajaran Inayat Khan kepada kemunculan nabi yang sentiasa wujud, adalah tidak benar kerana Islam tetap berpegang teguh bahawa Nabi Muhammad s.a.w adalah utusan terakhir daripada Allah buat seluruh manusia.Tiada nabi atau sebarang utusan selepas Baginda kerana Baginda adalah penutup kepada semua nabi. Dalam hal ini, Ibn Taymiah (t.th.) menyelar orang yang beranggapan karut tentang kenabian kerana ia jelas menyanggahi ajaran syarak dan akal yang sihat, bahkan menyalahi semua ajaran nabi-nabi Allah. Allah berfirman, maksudnya, “Muhammad itu sekali-kali bukanlah bapa dari seorang lelaki di antara kamu, tetapi dia adalah Rasulullah dan penutup nabi-nabi.”(Al-Quran, al-Aḥzāb, 33:40). Oleh yang demikian, setiap umat Islam perlu taat, mematuhi dan mencontohi Baginda dalam setiap aspek kehidupan (Al-Tusī 1960; al-Ghazālī 1988). Oleh yang demikian, konsep kenabian yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan ini menggambarkan bahawa ia telah dicedok oleh Inayat Khan daripada agama Kristian, di mana konsep semangat bimbingan (*the spirit of guidance*) mempunyai persamaan dengan apa yang ada dalam Bible seperti, “*He told His disciples that He would send one who would teach and guide all those who believe in Him* (Acts 1:5; John 14:26; 16:7). *Now, when a person believes in Christ, the Holy Spirit immediately becomes a permanent part of his life*” (Romans 8:14; 1 Corinthians 12:13). Di samping itu, pengkaji juga percaya bahawa kepercayaan kepada *master-ideal* itu adalah satu rekaan daripada Inayat Khan apabila beliau percaya bahawa tujuan semua nabi dan utusan adalah sama iaitu untuk penyelamatan sebagaimana kata-katanya, “Apa yang Christ bawa? Penyelamatan. Apa yang Muhammad telah bawa? Penyelamatan. Apa yang Avatar daripada Hindu telah bawa? Penyelamatan (Inayat 1973,jil.2). Ini bermakna bahawa konsep kenabian yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan ini adalah gabungan daripada cedokan dan rekaan Inayat Khan sahaja, dan ia menandakan bahawa ajarannya bukanlah sebahagian daripada agama Islam.

Mengenai kepercayaan kepada kitab dalam ajaran Inayat Khan, sesungguhnya, ia sangat bersalahan dengan akidah Islam. Kitab Suci yang dipercayai dalam ajaran Inayat Khan tersebut adalah satu kepercayaan yang tidak berasas kerana ia didirikan pada andaian sahaja. Secara logiknya, mana mungkin Tuhan akan menyediakan kitab yang hanya dapat dibaca oleh mata-mata hati yang celik sahaja, dan juga mana mungkin Tuhan menciptakan sebuah kitab yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar kerana sifat sesebuah kitab suci adalah untuk membimbing manusia kepada kebenaran. Maka, setiap manusia perlu untuk membaca dan mengkajinya di alam nyata. Oleh yang demikian, kepercayaan kepada Kitab Suci tersebut adalah satu pegangan yang karut dan tidak dapat diterima oleh akal yang waras. Begitu juga daripada sudut kedudukan kitab,agama Islam tetap melihat dan meyakini bahawa tidak ada lagi kitab yang paling tinggi kedudukannya selain al-Quran sama ada menerusi kemuliaannya, kemukjizatannya, kandungannya yang mengandungi banyak hikmat, ajaran yang tinggi, bahasa yang indah, keterpeliharaannya sehingga Hari Kiamat dan kebenaran ajarannya yang bersifat mutlak selama-lamanya. Allah berfirman, maksudnya, “Sesungguhnya al-Quran ini memberi petunjuk kepada (jalan) yang lebih lurus.” (Al-Quran, al-Isrā’,17:9), “Dan sesungguhnya al-Quran itu benar-benar adalah suatu kemuliaan besar bagimu...” (Al-Quran, al-Zukhrūf, 43:44), “Al-Quran itu tiada lain hanyalah peringatan bagi semesta alam.” (Al-Quran, al-Takwīr, 81:27). Semua ayat al-Quran tersebut menunjukkan keautoritian al-Quran yang secara automatik telah memansuhkan semua kitab dan wahyu yang terdahulu dan selain daripadanya, dan ia tetap kekal hingga ke hari kiamat (Al-Sayyid Sābiq 1974). Maka, hakikat kebenaran al-Quran tersebut dengan automatiknya juga telah menolak kepercayaan dan pegangan ajaran Inayat Khan kepada Kitab Suci.

Ajaran Inayat Khan yang berpegang kepada Agama Satu sebagaimana yang diperjelaskan sebelum ini adalah bersalahan dengan akidah Islam. Ini kerana umat Islam hanya berpegang kepada agama Islam yang mencangkupi semua aspek kehidupan manusia, dan bukanlah kaedah atau jalan untuk mencapai kesempurnaan diri. Umat Islam tetap meyakini sepenuhnya pada agama Islam sebagai Agama Satu di dunia dan di akhirat, sebagaimana yang terangkum dalam al-

Quran, maksudnya; “Sesungguhnya agama (yang diredai) disisi Allah hanyalah Islam.” (Al-Quran, al-‘Imrān, 3:83). Di samping itu, terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang Islam sebagai agama anutan yang benar iaitu surah al-‘Imrān, 3:19-20, surah al-Imrān, 3:102, surah al-Māidah, 5:3, surah al-An‘ām, 6:125, surah al-Taubat, 9:74, surah al-Yūsuf, 12:101, surah al-Hijr, 15:2, surah al-Zumar, 39:22, surah al-Sāf, 61:7 dan surah al-Qalam, 68:35. Ini bermaksud bahawa Allah telah menurunkan agama Islam untuk seluruh alam dan bagi semua manusia di sepanjang masa dan semua tempat, yang kebenaran ajarannya telah dibuktikan oleh sejarah, dibenarkan oleh akal yang sihat dan yang tersimpul nyata di dalam al-Quran (Jamaluddin 1983). Bagi ajaran Inayat Khan yang memahami agama itu sebagai satu jalan yang membawa kepada kesempurnaan diri adalah salah kerana ia tidak menepati ciri-ciri umum dan khusus untuk melayakkannya digelar sebagai sebuah agama seperti wujudnya kepercayaan pada Tuhan, Nabi dan lain-lain lagi (David S. Noss & John B. Noss 1984). Tambahan pula, jalan yang menuju kepada kesempurnaan diri tersebut dilihat dalam Tasawuf Islam sebagai satu proses penyucian jiwa atau lebih dikenali sebagai *tazkiyat al-nafs* atau *mujāhadah al-nafs* yang melibatkan beberapa proses iaitu *takhallī*, *tahallī* dan *tajallī* (Al-Ghazālī: 1988). Semua proses itu termaktub sebagai salah satu cara atau kaedah sahaja dan bukanlah satu anutan dalam hidup. Oleh yang demikian, pegangan Agama Satu dalam ajaran Inayat Khan itu tampak sangat jelas bahawa Inayat Khan suka mereka-reka sesuatu pegangan yang tidak berasas, di mana beliau kelihatan cuba memahami para pengikutnya bahawa semua agama yang ada di dunia ini adalah benar belaka, sebagaimana kata-katanya, “setiap bentuk agama iaitu bentuk penyembahan adalah kepada tuhan yang sama” (*that every form of religion is a form of worship of the same God*) (Inayat 1973, jil.7), tetapi kemuncak kepada kebenaran tersebut adalah agama yang bersifat menuju kepada kerohanian, iaitu jalan menuju kepada kesempurnaan diri. Hal ini menunjukkan bahawa keyakinan konsep agama sebegitu dalam ajaran Inayat Khan telah meletakkannya sebagai suatu ajaran yang tiada kaitan dengan agama Islam.

Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini bahawa ajaran Inayat Khan percaya kepada undang-undang balas balik atau *law of reciprocity* sebagai Undang-undang Satu (*One Law*), maka kepercayaan undang-undang sebegini tiada dalam agama Islam. Islam berpegang kepada undang-undang Allah yang terangkum dalam sistem qada dan qadar Allah, iaitu sejumlah undang-undang atau peraturan yang mengawal setiap aspek kehidupan manusia, tetapi pada masa yang sama, mereka tetap bergantung kepada kehendak diri mereka sendiri. Abdul Qadīr (1980) menyatakan bahawa setiap qada’ dan qadar Allah perlu dilalui dengan cara yang bijaksana, atau dengan kata lain, seorang manusia yang hebat ialah dia perlu melawan takdir Allah bukan menyerah sahaja kepada takdir (Ibn Qayyim 1991). Di samping itu, al-Fāwī (2001) menjelaskan bahawa Allah sebenarnya memerintahkan setiap manusia menolak keburukan dengan kebaikan seperti perasaan lapar yang perlu dibendung dengan memakan makanan. “Dan orang yang berdosa tidak akan memikul dosa-dosa orang lain.” (Al-Quran, al-Fāṭir, 35:18). Ia diperkukuhkan dengan beberapa ayat yang hampir sama penjelasannya iaitu dalam surah al-An‘ām, 6, ayat 164 dan surah al-Najm, 53, ayat 38. Sesungguhnya nama dan konsep undang-undang seperti itu tidak pernah ada dalam Syariat Islam, kecuali ia dalam agama-agama lain seperti agama Hindu dan Buddha sebagaimana yang diakui sendiri oleh Inayat Khan dalam bukunya, *the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan*, jilid 8, tahun 1973. Undang-undang tersebut dilihat sebagai pembalasan atas perbuatan yang dilakukan oleh seseorang sama ada ianya perbuatan baik atau buruk yang dibalas kembali menurut hukum alam atas apa yang telah seseorang itu lakukan. Jika ianya perbuatan baik, maka baiklah balasannya dan jika sebaliknya, maka buruklah pembalasan yang seseorang itu akan terima (Hujweri 2000). Dalam hal ini, pandangan Islam amat jelas melalui firman Allah s.w.t. dalam Surah Az-Zalzalah, 99 ayat:7-8, maksudnya, “Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan) nya pula.” Islam melihat setiap perbuatan manusia itu bergantung kepada kehendak dirinya sendiri tetapi pada masa yang sama juga Allah berkuasa atas segala-galanya. Hal ini dinamakan sebagai qada dan qadar Allah, iaitu sejumlah undang-undang atau peraturan yang mengawal kehidupan manusia. Setiap perbuatan yang dilakukan oleh manusia akan dibalas oleh Allah sama ada baik atau buruk (Ibn Taymiyah 2006). Ia bermakna bahawa setiap perbuatan manusia akan dibalas oleh Allah sama ada ganjaran pahala atau dosa, syurga atau neraka. Semuanya diyakini terletak pada limpahan rahmat Allah s.w.t (Hujweri 2000; Abdul Qadīr 1980). Oleh sebab itu, sistem ganjaran pahala dan dosa, syurga dan neraka telah wujud dalam Islam. Orang yang melakukan perbuatan baik, akan diberi pahala oleh Allah dan orang yang melakukan kesalahan akan diberi dosa oleh Allah. Islam tidak mengatakan wajib orang yang melakukan perbuatan baik akan mendapat ganjaran kebaikan dan wajib orang yang melakukan keburukan akan mendapat keburukan kerana Allah yang menentukan segalanya dan bukan perbuatan tersebut yang menentukan ganjarannya. Namun begitu, Islam mempertanggungjawabkan penerimaan balasan ke atas perbuatan yang disengajakan sahaja, yang didasarkan kepada keupayaan, kemampuan dan kemahuan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan (Muhammad Abduh 1979). Penerimaan balasan tersebut dibalas sama ada di dunia atau di akhirat. Di Akhirat, pembalasan tersebut diyakini sebagai sesuatu yang wajib kerana setiap orang akan dihadapkan ke hadapan Tuhan, dan Tuhan akan mengadilinya dengan seadil-adilnya (Al-Maududi 1985). Ia berdasarkan kepada firman Allah Taala, maksudnya: “Dan tiap-tiap orang memperoleh darjat (seimbang) dengan apa yang dikerjakannya.” (Al-Quran, al-An‘ām, 6:132). Berdasarkan penilaian tersebut, pegangan undang-undang balas-balik yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan tersebut adalah suatu kepercayaan yang tiada asas dalam agama Islam. Malah, ia dilihat sebagai satu pegangan yang lebih terpengaruh kepada agama Hindu dan Buddha.

Konsep persaudaraan yang diyakini dalam ajaran Inayat Khan itu sangat bersalahan dengan agama Islam. Ini kerana pada pemikiran yang rasional, hubungan persaudaraan yang melewati batasan dan perbezaan tertentu adalah suatu hubungan

yang berdiri di atas khayalan dan imaginasi sahaja. Manusia telah diciptakan oleh Allah secara fitrahnya terikat dengan bangsa, keturunan, negara, warna kulit dan agama. Maka, mana mungkin hubungan persaudaraan manusia dapat berdiri di atas ketiadaan batasan, walaupun satu batasan, kerana ia akan melanggar fitrah manusia. Tambahan lagi, konsep persaudaraan yang diyakini dalam ajaran Inayat Khan itu juga menggambarkan bahawa kesejagatan, perpaduan dan keharmonian dirai dan diperkukuhkan di bawah kasih sayang dan lindungan Tuhan yang mana diyakininya seperti bapa menjaga anaknya. Manakala agama Islam pula meyakini konsep persaudaraan sebagaimana yang ditekankan dalam al-Quran dan Sunnah kerana sememangnya Islam berdiri teguh di atas apa yang terkandung dalam kedua-duanya. “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu adalah bersaudara, maka perbaikilah (perhubungan) antara dua saudara kamu yang bertelagah. Dan bertakwalah kamu kepada Allah moga-moga kamu semua mendapat rahmat”. (Al-Quran, al-Hujurāt, 49: 10). Ayat ini bermaksud bahawa setiap Muslim itu adalah bersaudara. Maka, agama Islam percaya kepada persaudaraan yang diikat erat di atas cetusan daripada kesedaran iman dan takwa kepada Allah s.w.t. Persaudaraan ini diasaskan pada akidah yang satu di mana ia juga melangkau bangsa, warna kulit dan keturunan (Al-Ghazālī 1988). Ia dapat dilihat pada sahabat-sahabat Nabi yang terdiri daripada pelbagai bangsa, puak dan warna kulit, tetapi persaudaraan mereka amat utuh dan teguh. Islam juga amat menitik beratkan hubungan ini sehingga terdapat beberapa Hadis Rasulullah tentangnya seperti Rasulullah s.a.w. bersabda:

Seorang Muslim itu adalah saudara Muslim lainnya, dia tidak boleh menzaliminya dan menghinakannya. Barang siapa yang membantu keperluan saudaranya, maka Allah akan memenuhi keperluannya. Barang siapa yang melapangkan satu kesusahan seorang Muslim, maka Allah akan melapangkan satu kesusahan di antara kesusahan-kesusahan hari kiamat nanti. Dan barang siapa yang menutupi aib seorang Muslim, maka Allah akan menutupi aibnya pada hari kiamat. (Hadis riwayat Ibn ‘Umar, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb kebajikan dan adab, sopan santun).

Begitu juga dengan Hadis lain seperti, Rasulullah s.a.w. bersabda:

Salah satu di antara kalian tidak beriman sebelum ia mencintai saudaranya (atau beliau bersabda: tetangganya) seperti mencintai diri sendiri. (Hadis riwayat Anas bin Mālik, Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb iman).

Menurut Imām al-Ghazālī (1988) Islam sangat menitik beratkan tali persaudaraan sehingga terdapat padanya hak-hak persaudaraan iaitu hak harta, jiwa, lidah, hak kemaafan dan sebagainya lagi. Semua hak tersebut dilaksanakan demi menjaga hubungan persaudaraan antara sesama manusia. Bagi Ibn Taymiyah (2006), hak-hak persaudaraan tersebut wajib diiltizami sebagaimana mereka beriltizam dengan solat, puasa dan juga haji. Di samping itu, Islam memuji pengukuhan perasaan persaudaraan di kalangan umat Islam dan terbaik-baik dengan bukan Islam adalah semata-mata untuk mewujudkan perpaduan dan keharmonian. Persaudaraan juga dilihat sebagai satu nikmat yang tidak terhingga besar ertinya kepada manusia. Hal ini kerana persaudaraan melahirkan semangat untuk bekerjasama, bergotong-royong dan saling bantu-membantu sesama umat Islam untuk melakukan kebajikan yang dapat menyempurnakan keperluan hidup mereka bersama. Secara jelasnya, pegangan Satu Persaudaraan tersebut sangat berbeza dengan agama Islam yang meraikan kefitrahan manusia dengan mengisytiharkan hubungan persaudaraan seagama adalah lebih mulia dan suci. Manakala ajaran Inayat Khan yang meyakini Satu Persaudaraan yang melewati sebarang batasan adalah satu rekaan Inayat Khan untuk memenuhi cita-cita kesejagatannya sahaja.

Konsep Moral Satu yang diyakini dalam ajaran Inayat Khan tidak pernah wujud dalam agama Islam kerana umat Islam hanya berpegang kepada konsep akhlak yang diambil daripada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w., dan bukanlah daripada hati manusia atau adat sesuatu masyarakat. Ia bermaksud bahawa konsep akhlak tersebut adalah satu konsep yang menyeluruh dalam pembinaan akhlak yang baik kepada manusia sebagaimana tergambar pada matlamat pengutusan Rasulullah s.a.w ke dunia ini. Menurut al-Ghazālī (1988), akhlak itu ialah satu sifat yang tertanam dalam jiwa yang daripadanya timbul perbuatan-perbuatan tertentu dengan mudah (tidak memerlukan sebarang pertimbangan akal terlebih dahulu). Begitu juga dengan Ibn Miskawayh (1966) yang mendefinisikannya sebagai satu sifat yang terhasil daripada keadaan jiwa yang stabil. Setiap Muslim disarankan supaya berakhlak baik di mana ia didasari dengan al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Allah berfirman, maksudnya: “Dan sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung.” (Al-Quran, al-Qalām, 68:4), “Sesungguhnya Kami telah mensucikan mereka dengan (menganugerahkan kepada mereka) akhlak yang tinggi...” (al-Quran, Ṣād, 38:46) Akhlak yang disebut dalam al-Quran merupakan ajaran-ajaran dan tingkah laku yang baik dan lebih tinggi kedudukannya daripada moral. Begitu juga dengan Sunnah Rasulullah s.a.w., yang menjadi sumber kedua dalam penggalan ilmu akhlak. Ia ditonjolkan dengan jelas melalui amalan Rasulullah s.a.w. sama ada perkataan, perbuatan atau diam Baginda. Antara contoh akhlak Rasulullah s.a.w seperti sabar, pemurah, berbudi pekerti dan lain-lain lagi (Al-Tusī 1960). Ini bermaksud, umat Islam berpegang kepada moral yang diasaskan pada konsep akhlak kerana ia diyakini sudah termaktub dalam al-Quran dan Sunnah Nabi s.a.w., di mana ia bersifat komprehensif dan meliputi semua lapangan kehidupan manusia sama ada di dunia dan juga akhirat. Manakala prinsip moral iaitu konsep cinta dan sayang yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan tersebut, adalah sebenarnya pencapaian atau *maqām* yang telah dicapai oleh seorang ahli tasawuf dalam mujahadahnya untuk mencapai matlamat kerohaniannya.

Pegangan kepada Satu Perkara Yang Perlu diPuji dalam ajaran Inayat Khan adalah bersalahan dengan konsep pujian dalam agama Islam. Ini kerana Satu Perkara Yang Perlu diPuji itu dalam ajaran Inayat Khan adalah kecantikan, tetapi dalam agama Islam, ia sudah semestinya adalah Allah Taala, Tuhan yang berhak menerima dan mendapat segala pujian. Keindahan dan kecantikan sesuatu itu adalah ciptaan Allah, dan bagaimana mungkin kecantikan tersebut yang mendapat pujian, bukan kepada Allah selaku penciptanya?. Hal ini sangat bertentangan dengan konsep ‘puji’ tersebut. Tambahan lagi menurut al-Ghazālī (1988), pujian itu dilarang dilakukan kepada manusia kerana ia dibimbangi mengandungi pendustaan dan sifat riyak. Pendustaan mungkin berlaku kepada si pemuji yang cuba memuji secara berlebih-lebihan kepada orang yang dipuji sehinggakan ia berbohong dan berdusta. Begitu juga, perasaan riyak akan timbul kepada orang yang dipuji apabila pujian itu sangat membanggakan dirinya. Justeru itu, dalam sejarah Tasawuf Islam, tidak ada ahli Sufi pun yang sanggup dipuji oleh manusia lain, melainkan semua pujian itu disasarkan pada yang berhak sahaja iaitu Allah Taala. Di samping itu, kemungkinan besar Inayat Khan menggunakan konsep sedemikian untuk diselarikan dengan konsep ketuhanan yang dipegang dalam ajarannya di mana pada semua ciptaan Tuhan adalah Tuhan pada hakikatnya. Oleh yang demikian, beliau tidak ragu-ragu untuk meletakkan kecantikan pada semua perkara adalah satu perkara yang paling agung untuk mendapat pujian bagi membolehkan para pengikutnya melihat kecantikan tersebut dan pada masa yang sama, mempercayai semua ciptaan adalah cantik dan semua yang cantik adalah Tuhan. Maka dengan ini jelas bahawa konsep pujian dalam ajaran Inayat Khan telah menjadi salah satu kriteria untuk mengkategorikannya sebagai satu ajaran kerohanian yang bukan daripada Islam.

Sekiranya diamati kepada pegangan Kebenaran Satu dalam ajaran Inayat Khan tersebut, ternyata ia hanyalah satu cara atau kaedah untuk lebih mendekatkan diri pada Allah, dan bukanlah ia layak untuk digelar sebagai satu kebenaran. Maka, Kebenaran Satu dalam agama Islam, iaitu memahami ketauhidan Allah dengan sebaik-baiknya; adalah sebaik-baik kebenaran yang perlu dimiliki oleh setiap manusia. Dengan kata lain, setiap Muslim dianjurkan untuk mengenali dirinya sendiri, tetapi ia hendaklah sentiasa berada dalam ruang lingkup kehambaan dan pengabdian pada Allah sahaja. Kebenaran memiliki akidah tauhid adalah kebenaran yang paling agung dalam hidup seseorang manusia kerana itulah matlamat dirinya diciptakan dan matlamat para nabi dan rasul diutuskan kepada seluruh makhluk di muka bumi ini. Menurut Imam al-Ghazālī (1988), mengenali dan mencintai Allah itu adalah wajib. Beliau menyatakan bahawa setiap Muslim perlu mengenali Allah terlebih dahulu dan kemudian mencintainya melalui ketaatan beribadah kepadaNya. Tasawuf Islam sememangnya menganjurkan juga para Muslim untuk sentiasa sedar diri sendiri atau mengenali diri sendiri melalui penciptaan jasadnya dan tujuan mereka diciptakan agar ia lebih menyedari hakikat kehidupannya yang sebenar. Konsep mengenali diri sendiri adalah satu proses untuk memahami hakikat diri secara zahir dan batin, agar sifat kehambaan dapat dicapai dengan sempurna. Kesedaran diri bahawa ia adalah Tuhan pada hakikatnya sebagaimana yang dianjurkan dalam ajaran Inayat Khan adalah khayalan semata-mata kerana sebenarnya, manusia perlu sedar dan arif bahawa dirinya adalah hamba Allah yang kerdil dan tidak berdaya. Manusia tidak mungkin akan menjadi Tuhan pada akhirnya kerana manusia adalah makhluk yang sangat terbatas, sedangkan keupayaan Tuhan melangkaui pancaindera semua makhluk di alam ini. Maka, konsep Satu Kebenaran yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan tersebut ternyata menyimpang daripada kaedah agama Islam.

Akhir sekali, Jalan Satu iaitu penghapusan segala sifat buruk yang dipegang dalam ajaran Inayat Khan tersebut bukanlah dapat dikatakan sebagai satu jalan mutlak kerana ia lebih menjurus kepada satu kaedah atau cara untuk membersihkan diri daripada sifat-sifat buruk. Manakala Islam pula meletakkan secara mutlak jalan nabi Muhammad, iaitu agama Islam adalah anutan dan jalan yang sebenar untuk setiap Muslim lalui bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tidak ada jalan menuju kepada Allah, kecuali dengan cara mengikut Nabi Muhammad s.a.w., baik daripada segi zahir mahupun batin. Ibn Taymīyah (2006) pernah menegaskan dengan keras bahawa sesiapa yang mendakwa bahawa ada jalan lain menuju kepada Allah dan jalan tersebut tidak memerlukan kepada jalan yang dibawa oleh Nabi Muhammad, maka mereka itu tidak diragui sebagai orang yang kafir dan *mulhid*. Manakala penghapusan sifat-sifat buruk, Islam tidak melihatnya sebagai satu jalan tetapi ia dijadikan latihan atau mujahadah pada setiap diri Muslim untuk membuang sifat-sifat buruk dan menggantikannya dengan sifat-sifat baik atau dikenali juga sebagai *tazkiyat al-nafs* agar keredaan Allah dapat dicapai dan kebahagiaan dunia dan akhirat dapat diraih dengan sempurna. Taubat dilihat sebagai jalan atau kaedah pertama diantara kaedah-kaedah yang dicapai oleh sālik (sipenempuh jalan Allah) untuk menghampirkan diri pada Allah. Allah berfirman, maksudnya, “Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertaubat dan orang yang membersihkan diri.” (Al-Quran, al-Baqarah, 2:222), “Bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, hai orang-orang yang beriman, supaya kamu beruntung.” (Al-Quran, al-Nūr, :31).Taubat kepada Allah adalah kaedah penyucian terhadap dosa-dosa yang dilakukan dengan penuh keinsafan dan penyesalan (Sa’id Hawwa 2001), meninggalkan terus kesilapan tersebut dan dengan juga tekad untuk meninggalkan terus kemaksiatan tersebut (Al-Qusyairī 1972; al-Hujweri 2000). Kemudian, mujahadah atau melawan hawa nafsu dengan berterusan merupakan kaedah seterusnya buat *sālik*. Allah berfirman, maksudnya, “Dan orang-orang yang berjihad untuk mencari keredaan Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami.”(Al-Quran, al-‘Ankabūt, 29: 69). Ibrahim bin Adham mengungkapkan bahawa mujadah itu dapat dilihat menerusi pintu penderitaan, rendah hati, perjuangan, sentiasa berjaga malam, kemiskinan dan persiapan yang tinggi dalam menghadapi kematian. Di samping semua itu, perjalanan seorang *sālik* dalam Tasawuf Islam mempunyai banyak kaedah lagi seperti berkhalwat, *uzlah*, berzuhud, bertakwa dan warak senantiasa (Al-Qusyairī 1972). Semua itu dilakukan demi menghampirkan dirinya kepada Allah dengan sebaik-baiknya, dan bukanlah untuk mencapai peringkat ketuhanan dan

kehidupan yang kekal abadi. Pada hakikatnya, pegangan sedemikian dalam ajaran Inayat Khan tersebut lebih menyamai kepada apa yang dipegang dalam agama Hindu, bahawa manusia yang mampu membebaskan diri daripada nafsu-nafsu jahat dan sifat-sifat material akan bersatu dengan Brahma (Al-Maghlouth 2011). Oleh yang demikian, pegangan tersebut tidak dapat diterima oleh akal yang waras dan ia amat bersalahan dengan konsep yang dipegang dalam agama Islam.

Berdasarkan kepada penilaian daripada aspek doktrin ini, dapat dinyatakan dengan jelas bahawa kebanyakan elemen pegangan dan kepercayaan yang terangkum dalam ajaran Inayat Khan ini adalah gabungan daripada pelbagai agama di dunia ini sebagaimana yang dicatatkan dalam bukunya, “... menerima kata-kata Jesus Christ dan Bible, dia juga melihat kebenaran al-Quran...” (*...accepts the words of Christ and the Bible; he sees truth in the Quran...*) (Inayat 1973, jil.1). “Ahli Sufi (seperti mereka) tidak perlu mengikuti kepercayaan atau pegangan tertentu, menyerah diri kepada kepada jalan tertentu. Dia boleh ikut cara Hindu, cara Muslim, cara mana-mana gereja atau kepercayaan” (*the Sufi does not need to follow a particular belief or faith, to restrict himself to a particular path. He can follow the Hindu way, the Muslim way, the way of any Church or faith*) (Inayat 1973, jil.7). Di samping itu, hal-hal seumpama itu juga termuat dalam buku-bukunya yang lain seperti *the Sufi Message of Hazrat Inayat Khan* jiid 1,12, *Cosmic language* dan lain-lain lagi. Maka, secara umumnya dapat disimpulkan bahawa Inayat Khan telah meletakkan ajarannya yang berbentuk kerohanian semata-mata dengan mengajak para pengikutnya daripada pelbagai latar belakang (menyatukan mereka) untuk mencapai hakikat yang paling benar, di mana ia dipercayai berada dalam konsep ketuhanan, kenabian, pujian, Jalan yang Satu dan lain-lain lagi. Dengan kata lain, ajaran Inayat Khan meletakkan pencapaian di alam kerohanian itu lebih tinggi melangkaui perbezaan daripada alam fizikal. Hal seperti ini pernah digambarkan oleh al-Ghazālī (1979) bahawa ada sesetengah orang yang menganggap bahawa aspek kerohanian adalah suatu kebenaran, dan mereka seperti itu pernah disifatkan oleh Shahrastānī (2006) sebagai ‘Penganut Rohani’. Maka, hal ini amat bersalahan dengan agama Islam, yang berpegang kepada tauhid dan syariat, sebagaimana al-Quran dengan jelas menyatakan bahawa apa-apa ajaran yang berbentuk sejagat sehingga melewati asas tauhid dan syariah adalah tidak benar dan tidak sah di sisi Islam.

Penutup

Ajaran Inayat ini dapat disimpulkan sebagai satu ajaran yang amat bertentangan dengan agama Islam kerana ia menolak kandungan syariat dan prinsip pegangan akidah agama Islam secara langsung atau tidak langsung. *The Ten Sufi Thoughts* mengandungi pegangan-pegangan yang nyatanya berlawanan dengan rukun Islam dan rukun iman kerana ia menolak keesaan Allah dan meletakkanNya sama kedudukan dengan tuhan-tuhan yang dianuti dalam agama lain seperti *Gott, Dieu, Khuda, Brahma* dan *Baghwan*. Begitu juga dengan penjelasannya tentang konsep Tuhan seperti *Noor Zahoor*, semuanya sangat bersalahan dengan konsep Tuhan dalam Islam sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah dalam Quran dan juga hadis-hadis Nabi. Oleh yang demikian, setiap bibit kepercayaan yang tidak terhasil daripada kalimah syahadat dan Rukun Iman, maka secara langsungnya akan meletakkan ia jauh daripada lembayung Islam secara sahnya. Maka, secara jelasnya dapat dinyatakan bahawa ajaran Inayat Khan atau *Universal Sufism* sebagai satu ajaran kerohanian sejagat yang sangat bertentangan dengan agama Islam. Dengan kata lain, apabila ia dikaitkan dengan isu semasa dalam dunia Islam, ia juga lebih tepat untuk dikategorikannya sebagai ajaran kerohanian yang berbentuk liberalisme. Dalam skop Malaysia, ia boleh dikategorikan sebagai salah satu ajaran sesat yang boleh mengancam akidah umat Islam.

Rujukan

‘Abduh, Muḥammad. 1979. *Risalah Tauhid*. Jakarta: Bulan Bintang

AbdulFatah Haron Ibrahim. 1993. *Ajaran sesat*. Kuala Lumpur: Masa’dah Sdn. Bhd.

‘Abd.Qādir‘ Isā. 1980. *Ḥaqīqah al-Taṣawwuf*. Amman: Waṭāniyyah.

Al-Fāwī, Abd.Fattāh Ahmad. 2001. *Akidah dan Suluk dalam Tasawuf :Antara Keaslian dan Penyelewengan*. Terj. Basri bin Ibrahim al-Hasani. Johor: Perniagaan Jahabersa.

Al-Ghazālī. 1979. *Al-Munqiz min al-Ḍalāl*. Pnyt. Abd. al-Halim Mahmud . Beirut: Dār al-Kitāb al-Lubnānī.

Al-Ghazālī. 1988. *Ihyā’‘Ulumuddīn*. Terj. TK.H. Ismail Yakub. Jil. 1-8. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.

Graham, Donald A. 2001. Spreading the wisdom of Sufism: the career of Pir-o-Murshid Inayat Khan in the West. Dalam Pirzade Zia Inayat Khan (pnyt.). *A pearl in wine*. Hlm.127-160. New Lebanon: Omega Publications

Ibn Taimiyyah. 2006. *Fiqh Tasawuf*. Terj. Basri bin Ibrahim. Johor: Perniagaan Jahabersa.

Ibn Taimiyyah. t.th. *Al-Fatāwa al-Kubrā Ibn Taymiyyah*. Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Inayat Khan. 1961. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Rockliff. Vol. 3,4,11. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement

Inayat Khan. 1973. *The Sufi message of Hazrat Inayat Khan*. Pnyt. Barrie & Jenkins. Vol. 1,2,5,6,7,8,10,12. Geneva: International Headquarters of the Sufi Movement

Jamaluddin Kafie. 1983. *Wujud al-Haq*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Al-Jawziah, Ibn Qayyim. 1991. *Tahzīb Madārij al-Sālikīn*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

Khan, Inayat. 1997. *Kehidupan Spiritual*. Terj. Imron Rosjadi. Yogyakarta: Pustaka Sufi.

Al-Maghlouth, Sami bin Abdullah. 2007. *Atlas Agama-agama*. Terj. Fuad Syaifuddin Nur & Ahmad Ginanjar Sya’ban. Jakarta: Penerbit al-Mahira.

Maududi, Abul A’la. 1985. *Asas dan Prinsip Peradaban Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Miskawayh. 1966. *Tahdīb al-Akhlāq*. C.K.Zurayk. Beirut: American University of Beirut.

Al-Qusyayrī, Abū al-Qāsim Abdul Karīm bin Hawāzin. 1972. *Al-Risālah al-Qusyayriyyah*. Abd al-Ḥalīm Maḥmūd dan Maḥmūd bin al-Sharīf (pnyt.).Jil.1 & 2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah.

Sayyid Sābiq. 1974. *Al- 'Aqāid al-Islāmiyyah*. Bandung: CN. Diponegoro.

Shahrastanī, Muhammad ibn Abd. Karīm. 2006. *Agama dan Ideologi*. Terj. Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Sirkar Van Stolk & Daphne Dunlop. 1975. *Memories of a sufi Sage Hazrat Inayat Khan*.Ed. Ke-2. Holland: East-West Publications Fonds

Al-Tusī, Nasr al Sarraj .1960. *Al-Luma’*. Mesir: Dār al-Kutub al-Hadithah